



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 16 MAC 2017**

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
SH/BIL. SUKNS/ 6/ 2017	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Menyelenggara Tandas Blok A (Aras G) Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus Peringatan : Kehadiran lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	Kelas: G2 Kategori B & ME Pengkhususan B04 & B08 & B10 & B13 & E11	RM50.00 setiap satu borang	22/3/2017 (Rabu) 9.30 pagi Dewan Serbaguna, Tingkat G, Blok A, Wisma Negeri

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **22 Mac 2017 hingga 29 Mac 2017** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen Sebut Harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 29 Mac 2017 (Rabu)**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.